

Majlis prof: Gerakan kiri bukan perjuangan merdeka
Malaysiakini.com
September 9,2011

Majlis Profesor Negara (MPN) hari ini menegaskan bahawa perjuangan gerakan politik kiri, termasuk komunis bukan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu.

Sebaliknya ia dianggap "penderhakaan" kerana didakwa mahu menghapuskan kuasa-kuasa Melayu di Tanah Melayu dan mahu menubuhkan kerajaan republik.

"Pada tahun 1930, Parti Komunis Malaya ditubuhkan di Singapura. Mereka menubuhkan Republik Demokratik Rakyat Malaya yang berkait dengan (fahaman) komunis.

"Cita-cita komunis bukan untuk membebaskan Tanah Melayu sebagai negeri Melayu, tetapi untuk membebaskan daripada pentadbiran British yang diakui oleh Raja-raja Melayu, untuk menjadikannya negeri komunis.

"Maka perjuangannya adalah perjuangan komunis. Dan segala nasionalis Melayu pada awalnya, ingin memerintah di Tanah Melayu, bersekongkol, bekerjasama dan bersubahat dengan pejuang komunis untuk menjadikan negeri republik komunis.

"Maka kerana itu, kita tidak menerima bahawa itu adalah perjuangan kerana mereka ingin merampas kuasa secara tidak sah dan tidak legitimate," kata sejarawan Profesor Datuk Dr Zainal Kling dalam sidang media di Putrajaya pagi ini.

Bagaimanapun, beliau mengakui pada peringkat awal ada pejuang kiri Melayu memperjuangkan kemerdekaan daripada British, tetapi selepas itu "bercita-cita ingin menghapuskan sistem kerajaan Melayu, menubuhkan negara republik dan bersubahat dengan komunis".

Sementara itu, kenyataan MPN yang diedarkan dalam majlis itu menyebut, perjuangan kiri tidak diiktiraf sebagai perjuangan kemerdekaan kerana berhasrat membentuk membawa Tanah Melayu menyertai projek Indonesia Raya.

Katanya, penentangan komunis terhadap Jepun pada awalnya melalui Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu (MPAJA) dibuat kerana "amat marah dan malu" atas penaklukan Jepun ke atas China pada tahun 1937 hingga 1945.

"Mereka tidak berjuang demi kebebasan Tanah Melayu atau menegakkan negeri Melayu," kenyataan itu dipetik.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/175279>